

Model Pengajaran Seni Halus dan Implikasinya Terhadap Kematangan Murid: Kajian Kes Terhadap Guru-guru Seni Visual Tingkatan Lima

Azizah Ibrahim*

SMK Seri Mahawangsa.

ABSTRAK

Kurikulum dan Pengajaran merupakan dua elemen yang tidak dapat dipisahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian lepas melaporkan seseorang agen pelaksana kurikulum harus mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam kedua-dua aspek, iaitu pengetahuan isi kandungan (PK) dan pengetahuan pedagogi (PP). Kajian lepas juga turut melaporkan guru-guru mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dalam aspek PK berbanding PP dan ini merupakan satu halangan untuk melahirkan murid yang mempunyai daya pemikiran yang tinggi. Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka dan memahami model-model pengajaran yang digunakan oleh guru-guru SV Tingkatan Lima di Daerah Kubang pasu bertemakan seni halus di samping untuk menilai implikasi model tersebut terhadap kematangan murid. Oleh kerana kajian ini bersifat penerokaan, maka penyelidik telah menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai lima orang guru SV Tingkatan Lima telah dipilih secara persampelan bertujuan. Data telah dikumpulkan melalui temu bual separa struktur dan pemerhatian. Analisis data dilakukan secara tematik. Data telah dikod dan dikategorikan berdasarkan tema yang telah dibentuk. Untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini, proses triangulasi antara kaedah telah digunakan. Dapatan kajian melaporkan guru-guru SV Tingkatan Lima menggunakan empat model pengajaran, iaitu pembelajaran berasaskan kumpulan, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan Inkuiri dan pembelajaran tradisional. Model pembelajaran abad ke 21 didapati lebih membantu dalam proses meningkatkan proses pemikiran murid berbanding kaedah tradisional. Penyelidik mencadangkan agar pihak penggubal dasar mengambil tindakan yang lebih efisien dalam usaha untuk menerapkan model-model pengajaran abad ke 21 untuk memastikan kematangan murid dapat ditingkatkan.

Kata Kunci: Model Pengajaran Seni Visual, Pembelajaran Kumpulan dan Projek.

ABSTRACT

Curriculum and Teaching are two elements that cannot be separated in the teaching and learning process. Previous studies reported that educators should have a high degree of knowledge in both aspects, namely content knowledge (CK) and pedagogical knowledge (PK). Previous studies also reported that teachers had a high degree of knowledge in the aspects of CK rather than PK and this was a great barrier in producing higher order thinking pupils. This study aims to explore and understand the teaching modules used by Form Five SV teachers in the Kubang Pasu District with the art of fine art in addition to assessing the implication of the model for pupil's potential outcome. As the study is exploratory, researchers have used qualitative approaches. A total of five Form Five SV teachers were selected purposively sampling. Data were collected through semi-structural interviews and observations. Data analysis is done with thematic. Data has been coded and categorized based on the established theme. To increase the validity and reliability of this study, the triangulation process between the methods has been used. The findings reported that Form Five SV teachers used four instructional models, group-based learning, project-based learning, inquiry-based learning and traditional learning. The 21st century learning

*Emel: azizahibrahim706@yahoo.com

model was found to be more helpful in the process of improving the student's thinking process than in traditional methods. Researchers suggest that policy makers take more effective measures in order to apply 21st century teaching models to ensure student outcome can be enhanced.

Keywords: Visual Art Teaching Model, Group and Project Learning.

PENGENALAN

Pengetahuan Isi Kandungan (PK) dan Pengetahuan Pedagogi (PP) merupakan dua elemen yang tidak dapat dipisahkan dalam kalangan guru. Pengetahuan yang luas dalam kedua-dua aspek ini akan membantu guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Guru yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajar perlu juga mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang cara untuk menyampaikan kandungan tersebut (Darling-Hammond, 2010). Kegagalan seseorang guru untuk menggunakan kaedah penyampaian yang betul akan menjadi penghalang kepada proses kemenjadian murid.

Guru yang memainkan peranan sebagai agen pelaksana kurikulum sememangnya telah didedahkan dengan kedua-dua elemen ini sejak mereka menjalani latihan perguruan. Sepanjang mereka menjalani latihan perguruan sama ada di Institut Pendidikan Guru (IPG) atau di Universiti, guru pelatih akan diberi latihan yang khusus untuk membolehkan mereka menguasai kandungan mata pelajaran opsyen mereka disamping kaedah untuk menyampaikan kandungan tersebut. Disamping itu, apabila terdapat perubahan kurikulum guru-guru yang berada dalam perkhidmatan juga masih diberikan latihan untuk membolehkan mereka menguasai perubahan-perubahan yang berlaku dalam Isi kandungan. Walau bagaimanapun, Shulman (2010) melaporkan guru-guru yang berada dalam perkhidmatan hanya akan didedahkan tentang perubahan kandungan kurikulum dan kemahiran pedagogi untuk menyampaikan kandungan tersebut diabaikan. Perkara ini disokong oleh dapatan Fullan (2013) yang mengatakan, guru-guru menerima perubahan yang berlaku terhadap kandungan kurikulum tetapi menyetepikan aspek perubahan pedagogi.

Hal ini menjadi kenyataan apabila Arumugham (2018) yang melaporkan ada dalam kalangan guru yang masih menggunakan pendekatan tradisional dalam menyampikan isi kandungan. Guru-guru tersebut mempunyai pengetahuan isi kandungan yang tinggi, namun kegagalan mereka untuk mempelbagaikan kaedah penyampaian Isi kandungan tersebut menyebabkan matlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai pemikiran daya kreativiti yang tinggi. Perubahan yang berlaku dalam kurikulum perlu ada keselarian dengan kaedah untuk menyampaikannya. Ini kerana kurikulum yang digubal adalah selaras dengan kehendak dan keperluan pelajar-pelajar zaman sekarang. Oleh itu, kaedah untuk menyampaikannya juga perlu sesuai supaya pelajar-pelajar tidak menjadi bosan.

Kajian yang dijalankan oleh Norasliza Hassan & Zaleha Ismail (2008) dan Solis (2009) mengatakan amalan pedagogi guru yang tradisional kurang sesuai untuk pelajar-pelajar zaman sekarang, memandangkan tahap pemikiran pelajar zaman ini agak berbeza jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar tahun 80-an. Kenyataan ini di sokong oleh Ingber (2009) yang mengatakan satu transformasi perlu dilakukan dalam memastikan pedagogi guru bersesuaian dengan keperluan zaman ini. Apabila perkara ini dianalisis dan disemak semula kebanyakan Negara mula memastikan pedagogi guru memberi ruang untuk pelajar berfikir. Oleh yang demikian, satu transaksi telah dilakukan dengan mencukkil semula kaedah-kaedah pengajaran yang dapat membantu dalam usaha untuk memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir dengan lebih matang. Dalam konteks ini, kebanyakan Negara mula memberi penekanan kepada proses pembelajaran secara konstruktivis yang memerlukan penglibatan pelajar secara meluas. Guru

harus memainkan peranan sebagai seorang pembimbing dan perancang yang menyediakan pelajar-pelajarnya untuk berfikir.

Malaysia juga menyahut perubahan ini dengan memperkenalkan pelbagai elemen dalam sistem pendidikan kebangsaan seperti Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Pembelajaran Abad Ke 21 (PAK21). Pengenalan elemen-elemen ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah untuk memastikan matlamat yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat dicapai. Secara keseluruhannya, matlamat utama yang diberi penekanan adalah kemenjadian murid. Ilmu yang dituntut diperingkat sekolah harus diamalkan dalam kehidupan seharian mereka. Selaras dengan keperluan-keperluan ini, maka satu anjakan yang besar telah dilakukan dalam kurikulum kebangsaan baik dipetingkat sekolah rendah mahupun di sekolah menengah.

Perubahan-perubahan yang berlaku ini telah banyak membuka ruang kepada penyelidik untuk melakukan pelbagai penyelidikan yang dapat memberi satu nafas baru baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat global. Apabila penyelidik menganalisis semula penyelidikan-penyelidikan yang telah dilakukan kebanyakannya berkisar di sekolah rendah dan sekolah menengah. Apabila disempitkan lagi skop analisis yang dilakukan, penyelidikan yang dilakukan diperingkat sekolah menengah Tingkatan Lima.

Perubahan-perubahan ini dilakukan berlandaskan satu matlamat yang telah digariskan, iaitu untuk kemenjadian murid. Walau bagaimanapun, semua usaha yang dirancang di peringkat sistem pendidikan hanya akan mencapai realitinya apabila guru sebagai seorang agen pelaksana kurikulum dapat menyampaikan kurikulum yang digubal itu dengan pendekatan yang bersesuaian. Ini kerana, kajian-kajian (Burns & Lush, 1998, Gess-Newssome, 1999 & May) Annie, Syl telah mengatakan guru-guru yang masih menggunakan pedagogi tradisional tidak dapat menyediakan pelajar-pelajarnya untuk berhadapan dengan cabaran global. Keadaan ini menjelaskan satu anjakan dalam pedagogi perlu dilakukan untuk menyediakan pelajar-pelajar di Malaysia untuk menyediakan diri mereka untuk berhadapan dengan perubahan global ini. Tambahan pula pelajar-pelajar tingkatan lima Pendidikan perlu menyediakan diri mereka untuk memasuki Institut Pengajian Tinggi. Tambahan pula, penyelidik belum menemui kajian lepas yang khusus berkaitan dengan pedagogi mata pelajaran Seni Visual.

Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka dan memahami model-model pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Seni Visual Tingkatan Lima disamping memahami Implikasi penggunaan model-model tersebut terhadap kemenjadian murid.

MODEL-MODEL PENGAJARAN

Pengetahuan isi kandungan dan Pengetahuan Pedagogi merupakan dua aspek yang tidak dapat dipisahkan dari guru. Dalam konteks kajian ini, penyelidik hanya akan melihat dari aspek Pengetahuan Pedagogi memandangkan Chong Yee Pei (2000) menyatakan guru tidak akan berhadapan dengan masalah untuk menguasai Isi kandungan mata pelajaran kerana mereka telah melalui pelbagai latihan semasa mereka menjalani latihan perguruan. Ini ditambah lagi dengan hujah Isamudin Rasip (2008) yang mengatakan guru tidak sama sekali akan berhadapan dengan isu penguasaan terhadap PK kerana guru sentiasa membuat perancangan dan persediaan untuk menyampaikan kandungan tersebut.

Oleh kerana kajian ini memfokuskan kepada aspek pedagogi guru Pendidikan Seni Visual Tingkatan Lima, maka beberapa kupasan tentang model-model pengajaran Seni Visual akan dilakukan oleh penyelidik. Ini adalah untuk membantu penyelidik mengenalpasti model-model pengajaran yang sedia wujud dan dibandingbezakan dengan dapatan yang diperoleh melalui

kajian ini. Proses ini juga adalah untuk membantu penyelidik membangunkan tema-tema yang bakal dibincangkan kemudian.

Guru harus mengambil kira pelbagai aspek seperti tahap pelajar, tahap isi kandungan pembelajaran, mata pelajaran yang diajar dan sebagainya sebelum memilih model pengajaran yang sesuai (Ingber, 2009). Guru juga perlu melakukan perkara ini ketika perancangan pengajaran dilakukan. Ini membantu guru untuk memahami dengan lebih mendalam tentang cara untuk menyampaikan isi kandungan pembelajaran tersebut. Memahami keadaan ini Darling-Hammond (2010) telah mengesahkan beberapa model pengajaran yang boleh diamalkan oleh guru untuk menyampaikan isi kandungan pembelajaran. Di antara model-model yang disarankan ialah pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran Inkuiri, pembelajaran masteri, pembelajaran Induktif dan pembelajaran deduktif. Apabila dilihat semula kepada kajian-kajian lepas, didapati tidak ada kajian yang memberi penerangan atau penjelasan yang mendalam tentang kesesuaian model pengajaran untuk mata pelajaran Seni Visual Tingkatan Lima. Tiada cadangan model yang khusus diberikan untuk mengajar mata pelajaran ini. Oleh itu, penyelidik mendapati perlunya kajian ini dijalankan untuk meneroka dan memahami model-model pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Seni Visual Tingkatan Lima. Penyelidik mendapati perkara ini memerlukan penerokaan yang mendalam memandangkan dapatan kajian ini dapat digunakan oleh pihak penggubal dasar untuk menyusun semula strategi sekiranya penambahbaikan perlu dilakukan terhadap guru-guru Seni Visual.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka dan memahami model-model pengajaran guru-guru Seni Visual Tingkatan Lima dan Implikasinya terhadap pelajar-pelajar Seni Visual Tingkatan Lima.

SOALAN KAJIAN

Diantara soalan kajian yang telah direka bentuk ialah:

1. Apakah model-model pengajaran yang telah digunakan oleh guru-guru Seni Visual Tingkatan Lima dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran?
2. Bagaimanakah model-model ini memberi implikasi kepada pelajar-pelajar Seni Visual Tingkatan Lima

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan Kualitatif

Oleh kerana kajian ini bersifat untuk meneroka dan memahami, maka penyelidik telah memilih untuk menggunakan pendekatan kualitatif. Ini kerana, memahami sesuatu proses atau amalan memerlukan penerokaan yang mendalam dan melibatkan individu-individu secara langsung (Braun & Clark, 2013). Dalam konteks kajian ini, penyelidik ingin meneroka dan memahami model-model pengajaran guru-guru Seni Visual Tingkatan Lima secara mendalam. Penerokaan ini memerlukan penyelidik berinteraksi dengan guru-guru tersebut dan proses ini hanya dapat dilakukan secara kualitatif.

Kajian Kes

Penyelidik telah memilih untuk menggunakan pendekatan kajian kes sepanjang menjalankan kajian ini. Ini kerana, peserta kajian yang dipilih adalah dalam kalangan guru yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Peserta kajian yang terdiri daripada pelbagai latar belakang akan membawa penceritaan dan penghayatan yang berbeza. Proses ini akan memberikan variasi dalam dapatan kajian. (Creswell, 2013). Ini dapat digambarkan melalui penceritaan yang berbeza dari setiap peserta kajian. Kepelbagaian dapatan dari pelbagai peserta kajian akan menunjukkan kepelbagaian dalam kes. Ini akan menjadikan kajian ini dilihat dari perspektif kajian pelbagai kes (*multiple case study*).

Persampelan Kajian

Peserta kajian ini terdiri daripada lima orang guru Seni Visual Tingkatan Lima yang mengajar di sekitar Daerah Kubang Pasu. Penyelidik telah menggunakan pendekatan persampelan bertujuan dalam memilih peserta kajian. Ini adalah kerana penerokaan ini dijalankan khusus terhadap guru-guru Seni Visual Tingkatan Lima. Oleh itu, hanya guru-guru dari kelompok itu sahaja yang dapat dipilih untuk memastikan penceritaan yang dilakukan menjurus kepada matlamat dan soalan kajian. Pemilihan peserta secara persampelan bertujuan adalah untuk memastikan maklumat yang diberikan adalah berpaksikan kepada objektif kajian (Braun & Clark, 2013). Pemilihan secara persampelan bertujuan dapat meningkatkan lagi kualiti dapatan dalam kajian ini. Untuk memastikan identiti sebenar peserta kajian ini tidak didedahkan, peserta kajian telah dilabelkan T1, T2, T3, T4 dan T5.

Kaedah Pengumpulan Data

Penyelidik telah memilih untuk menggunakan temubual dan pemerhatian sepanjang proses pengumpulan data. Proses temu bual dapat membantu penyelidik untuk berinteraksi secara besemuka dengan peserta kajian dan ini membantu peserta kajian untuk menceritakan situasi sebenar dengan lebih terbuka berbanding borang soal selidik yang diedarkan (Cresswell, 2013). Selain temu bual, penyelidik juga telah melakukan pemerhatian semasa guru-guru ini mengajar Seni Visual dalam bilik darjah. Pemerhatian adalah satu proses untuk membantu penyelidik memahami situasi sebenar yang dilakukan oleh peserta kajian (Braun & Clark, 2013). Penyelidik juga telah melakukan proses triangulasi diantara kedua-dua kaedah ini sebagai langkah semakan silang. Proses triangulasi juga dapat membantu penyelidik untuk membanding beza serta melihat perhubungan antara data yang diperolehi melalui temu bual dan pemerhatian. Di samping itu, proses ini dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini.

Analisis data

Penyelidik telah menganalisis data secara manual. Data temubual dan pemerhatian telah ditranskripsikan terlebih dahulu sebelum proses analisis dilakukan. Data yang ditranskripsikan telah dikodkan dan dikategorikan kepada tema-tema yang telah dibentuk. Penyelidik telah menganalisis beberapa sorotan karya lepas untuk tujuannya pembentukan tema. Data yang diperolehi dibanding bezakan dengan dapatan sorotan karya lepas. Melalui proses ini, data *emergant* dapat dikenalpasti dan tema-tema yang akan dibincangkan juga dapat dikenalpasti.

Dapatan dan Perbincangan

Data yang diperolehi akan dilaporkan berdasarkan soalan kajian yang telah dibentuk. Dalam bahagian pertama, penyelidik akan melaporkan dan membincangkan dapatan yang diperolehi melalui data temu bual disamping menghubungkan kaitkan dengan data pemerhatian.

Model-model Pengajaran Guru-guru Seni Visual Tingkatan Lima

Data yang diperoleh melalui temubual dan pemerhatian melaporkan terdapat empat bentuk model pengajaran yang sering kali digunakan oleh guru-guru Seni Visual Tingkatan Lima. Data yang diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian juga menunjukkan keselarian. Perkara-perkara yang dinyatakan oleh guru-guru semasa temu bual sememangnya dilakukan oleh guru-guru tersebut ketika penyelidik melakukan pemerhatian. Dua tema utama yang dikenalpasti adalah model pengajaran berpusatkan pelajar dan model pengajaran tradisional.

Jadual 1.1 Perbandingan dapatan guru-guru SV tingkatan lima

	Peserta	Model Pengajaran	Amalan Pengajaran	Implikasi
T1		Koperatif	Kerja Kumpulan,	Pelajar befikir
T2		Projek	penyelesaian masalah	Pembuatan bahan
T3		Berasaskan masalah, Inkuri Penemuan, Koperatif	Perbincangan dan Penyelesaian Masalah,	Pelajar berdikari
T4		Masteri	<i>Direct teaching</i>	Pelajar boleh reka
T5		Masteri	<i>Direct Teaching</i>	Kerja Kumpulan
				Peperiksaan
				Peperiksaan

Pengajaran Berpusatkan Pelajar

Pembelajaran Koperatif

Tema pertama yang telah dikenalpasti melalui data yang telah dianalisis ialah pengajaran berpusatkan pelajar. Beberapa model pengajaran yang digunakan oleh guru-guru Seni Visual Tingkatan Lima telah dikategorikan dibawah tema ini seperti model koperatif, pengajaran berasaskan masalah, pengajaran berasaskan projek, dan Inkuri penemuan. Kesemua model ini dikelompokkan dibawah tema pengajaran berpusatkan pelajar. Ini kerana, apabila dilihat kepada penghujahan yang diberikan oleh guru-guru Seni Visual, model yang digunakan ini adalah bertujuan untuk pelajar belajar.

Saya menggunakan pendekatan secara berkumpulan. Ini membantu untuk meningkatkan penglibatan pelajar semasa aktiviti pembelajaran. Kaedah ini juga membantu pelajar untuk berinteraksi dan bertukar pendapat (T1).

Data temubual bersama T1 menunjukkan, guru ini menggunakan pendekatan koperatif untuk menjalankan pengajaran. Ini kerana, guru ini mendapati kaedah ini membntu pelajar untuk melibatkan diri semasa proses pengajaran berlaku. Guru ini juga mendapati proses pengajaran secara kopertaif dapat membantu pelajar itu untuk bertukar pendapat dan Idea. Proses pemerhatian yang dilakukan terhadap guru ini juga menunjukkan guru ini melaksanakan pembelajaran koperatif semasa pengajaran dilaksanakan. Guru ini telah membahagikan pelajar-pelajar kepada lima kumpulan yang terdiri diantara empat hingga lima orang pelajar. Proses pengajaran dilaksanakan dengan memberikan soalan perbincangan. Proses perbincangan dilakukan dalam kumpulan dan pelajar akan melakukan pembentangan untuk tugas yang telah dibincangkan. Sepanjang pemerhatian, penyelidik mendapati pelajar-pelajar dalam kumpulan berinteraksi sesama mereka dan berkongsi pendapat.

Ini selaras dengan apa yang disarankan oleh Darling-Hammond (2010) guru harus memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir. Proses ini dapat dilakukan melalui aktiviti seperti perbincangan dan pembentangan. Kaedah seperti ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk menjana idea dan ini akan membantu dalam proses pembelajaran pelajar tersebut.

Keadaan ini berbeza dengan *direct teaching* yang lebih berpusatkan guru. *Direct teaching* didapati tidak memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir dan menjana idea.

T3 juga didapati menggunakan pendekatan pembelajaran koperatif untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. T3 juga didapati menggunakan model ini hampir seperti yang dilakukan oleh T1 namun T3 telah mengagihkan tugas kepada kepada setiap ahli kumpulan.

Kebiasaan saya guna kaedah koperatif. Ini memudahkan saya untuk membuat aktiviti perbincangan dalam bilik darjah. Saya akan bagi topik untuk dibincangkan, contoh macam reka bentuk seni. Jadi pelajar akan berbincang dan buat pembentangan. Untuk pastikan setiap ahli kumpulan main peranan saya akan tetapkan peranan setiap orang, contoh pembentang, pencatat, runner dan sebagainya (T3).

Proses pemerhatian yang dilakukan terhadap guru ini juga didapati guru ini telah melakukan aktiviti kumpulan semasa proses pengajaran. Setiap kumpulan diberi tajuk untuk dibincangkan dan seperti yang dinyatakan setiap ahli kumpulan diberi peranan yang berbeza. Pendekatan ini secara tidak langsung telah memberi peluang kepada semua pelajar untuk melibatkan diri secara aktif ketika proses pembelajaran. Ini selaras dengan dapatan yang dilaporkan oleh (Lilia Halim & T. Subahan Mohd Merah, 2002) guru memainkan peranan dalam proses pembelajaran pelajar. Aktiviti-aktiviti pengajaran yang dilakukan oleh guru haruslah menjurus kepada aktiviti yang boleh merangsang pemikiran pelajar. T1 dan T3 telah menggunakan kaedah model pengajaran koperatif yang telah banyak memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir dan mengambil bahagian yang aktif sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Selain pembelajaran koperatif, T1 juga didapati menggunakan model pembelajaran berasaskan projek. Model ini juga telah digunakan oleh T2. Kedua-dua orang guru ini telah menjadikan pameran hasil karya pelajar sebagai titik permulaan untuk mereka menjalankan proses pengajaran SV.

Pelajar Seni Visual perlu membuat pameran hasil karya mereka ketika di semester 3. Jadi, semasa PdP banyak pembelajaran yang dilakukan secara projek. Contoh hasil karya lukisan mereka harus dipamerkan. Jadi sesuaiilah kalau PdP buat secara pembelajaran projek (T1).

Selain pembelajaran berasaskan masalah, saya juga buat pembelajaran secara projek. Pelajar Seni Visual ni perlu buat pameran masa semester 3. Penilaian dibuat berdasarkan hasil kerja. Jadi arca-arca ni semua saya buat dalam bentuk projek (T2).

Kurikulum mata pelajaran Seni Visual Tingkatan Lima memerlukan pelajar menghasilkan karya lukisan yang akan dikompilasikan dalam bentuk folio. Disamping itu, pelajar juga dikehendaki menghasilkan bahan-bahan lain seperti arca, batik dan hasil kreativiti yang lain. Oleh kerana, pelajar memerlukan ruang masa untuk menghasilkan bahan-bahan ini, maka guru telah menggunakan model pembelajaran berasaskan projek. Projek-projek yang dihasilkan sepanjang proses pembelajaran akan dipamerkan. Semasa proses pemerhatian dilakukan guru juga didapati menggunakan ruang masa pembelajaran untuk menghasilkan hasil karya seni.

Inkuiri Penemuan

Temu bual bersama T3 mendapati, di samping menggunakan model pembelajaran koperatif, T3 juga menggunakan model pembelajaran Inkuiri. Model ini digunakan serentak dengan pembelajaran koperatif. Apabila guru memberikan ruang untuk melakukan perbincangan kumpulan, T3 memberikan masalah-masalah yang memerlukan pelajar untuk berfikir dan menyelesaikannya dalam bentuk kumpulan.

Saya seringkali menggunakan kaedah Inkuri, sebab pelajar boleh berfikir, tapi selalunya bagi dalam kumpulan sebab nak dalam kumpulan boleh berlaku percambahan idea (T3).

Dapatan ini agak berbeza jika dibandingkan dengan penyelidikan-penyelidikan sebelum ini memandangkan, model inkuiri penemuan kebanyakan digunakan untuk mata pelajaran sains (May, Annie, Sylvia, 2010). Penyelidikan ini membuahkan satu dapatan yang agak berbeza kerana guru SV juga didapati telah menggunakan model Inkuri ini untuk mata pelajaran SV. Ini menunjukkan kaedah ini boleh diubahsuai dan diaplikasikan ke dalam lain-lain mata pelajaran.

Pemerhatian yang dilakukan terhadap guru ini juga didapati guru menggunakan kedua-dua model ini secara serentak. Proses PdP dilakukan dalam bentuk koperatif dan perbincangan dalam kumpulan koperatif dilakukan secara inkuri.

Masteri

T4 dan T5 didapati menggunakan model masteri. Model ini digunakan memandangkan tujuan kedua-dua orang guru ini lebih kepada peperiksaan. Oleh kerana matlamat mereka menjurus kepada peperiksaan maka mereka memberi penekanan terhadap penguasaan Isi kandungan pembelajaran.

Saya pentingkan peperiksaan, setiap tahun saya nak pelajar dapat keputusan yang baik. Jadi saya pastikan pelajar kuasai semua topik supaya mudah untuk peperiksaan (T4).

Bagi saya apa-apa pun exam yang penting, jadi guru perlu sediakan pelajar untuk menghadapi peperiksaan. Seboleh-bolehnya biar la pelajar dapat gred yang baik (T5).

Data temubual bersama kedua-dua orang guru ini mendapati mereka memberi penekanan terhadap gred pencapaian pelajar dalam setiap semester. Memandangkan matlamat mereka menjurus kepada peperiksaan, maka model masteri ini digunakan. Walau bagaimanapun, model masteri ini dikatakan tidak menjurus kepada pembelajaran yang menyeronokkan (Isamudin Rasip, 2008).

Proses pemerhatian yang dilakukan juga mendapati guru-guru ini banyak memberi penekanan terhadap peperiksaan. Guru tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran, malah lebih kepada *direct teaching*. Sepanjang pemerhatian juga didapati guru tidak menunjukkan variasi dalam proses pengajaran.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan penyelidikan ini telah memperlihatkan empat bentuk model pengajaran yang diamalkan oleh guru-guru Seni Visual. Dalam empat model tersebut, tiga model pengajaran yang diamalkan memberi penekanan terhadap kemenjadian murid. Guru telah mempraktikkan pelbagai amalan yang menjurus kepada proses pembelajaran murid. Walau bagaimanapun, terdapat juga guru Seni Visual yang masih mengamalkan kaedah masteri yang lebih mencorakkan kaedah tradisional. Kaedah ini juga lebih menyediakan pelajar-pelajarnya untuk menduduki peperiksaan. Ini adalah sesuatu yang agak kurang sesuai untuk diamalkan pada masa kini. Pihak penggubal dasar harus mengenalpasti mengapa wujudnya guru-guru yang masih mengamalkan kaedah ini disamping mencari jalan penyelesaian untuk memastikan tidak ada lagi guru yang menggunakan pendekatan tradisional dalam melaksanakan PdP.

RUJUKAN

- Burns, R. B., & Lash, A. A. (1986). A comparison of activity structures during basic skills and problem-solving instruction in seventh-grade mathematics. *American Educational Research Journal*, 23(3), 393-414.
- Darling-Hammond, L. (2000). Teacher quality and student achievement. *Education policy analysis archives*, 8, 1.
- Fook, C. Y., Sidhu, G. K., Radzi, F. A. M., Singh, P., & YUNUS, M. R. M. (2012). Penilaian Kemahiran Guru Sejarah dan Geografi dalam Pelaksanaan Kerja Kursus di Peringkat Sekolah Menengah Rendah Evaluating History and Geography Teachers' Skills in Implementing Coursework. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9, 47-80.
- Fullan, M. (2001). *The new meaning of educational change*. Routledge.
- Gess-Newsome, J. (1999). Pedagogical content knowledge: An introduction and orientation. In *Examining pedagogical content knowledge* (pp. 3-17). Springer, Dordrecht.
- Ingber, J. D. (2009). *A comparison of teachers' pedagogical content knowledge while planning in and out of their science expertise*. Columbia University.
- Isamudin Rasip (2008). IN Penterjemahan Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Proses Tindakan Guru Bahasa Iban Baharu dan Berpengalaman Bukan Opsyen (The Application of the Pedagogical Content Knowledge Among not an Opstion New and Experienced Iban Language Teachers). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 39(1), 37-49.
- Lilia Halim & T. Subahan Mohd Merah (2002) Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. *Teachers college record*, 108(6), 1017.
- Loewenberg Ball, D., Thames, M. H., & Phelps, G. (2008). Content knowledge for teaching: What makes it special? *Journal of teacher education*, 59(5), 389-407.
- Mansor, R., & Samsudin, S. (2011). The challenge of producing progressive teachers in Malaysia: A case study of reflective writings among UPSI student teachers. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(7).
- May, Annie, Sylvia (2010). Closing the gap between the theory and practice of teaching: Implications for teacher education programmes in Hong Kong. *Journal of Education for Teaching*, 36(1), 91-104.
- Norasliza Hassan & zaleha Ismail (2008). Guiding preservice teachers in developing TPCK. In *Handbook of technological pedagogical content knowledge (TPCK) for educators* (pp. 233-260). Routledge.
- Rozaïman Makmum & Zamri Mahamod (2011). Primary School Students". *International Journal of Current Resea Key words*.
- Shulman, L. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard educational review*, 57(1), 1-23. S

